

PEMAHAMAN Masa: 1 jam 15 minit

Bahagian A

(20 markah)

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 "_____ mesti selesaikan projek sains pada minggu ini, nanti Cikgu Hassan akan marah," kata Shima kepada rakan-rakannya.

- A Dia C Saya
B Kita D Kami

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 Sambil bersantap _____ sultan dihiburkan dengan tarian inang yang dipersembahkan oleh para dayang.

- A beta
B patik
C baginda
D tuan hamba

3 "Lebih baik kita beli pakaian itu banyak-banyak. Nanti kita akan dapat _____," kata Puan Syikin.

- A harga diri C harga tetap
B harga mati D harga borong

4 Susun atur perabot di ruang tamu rumah baharu Kak Mila sangat _____ walaupun tidak menggunakan perabot berjenama.

- A bersih C kemas
B selesa D wangi

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Puan Suhaila menggunakan _____ pisau yang tajam untuk mengupas kulit nanas itu.

- A sebilah
B sebuah
C sepasang
D sepotong

6 Puan Latifah meletakkan pasu bunga yang dihiasnya di _____ meja makan.

- A sisi
B atas
C bawah
D hujung

7 Abang Rizal sudah memaklumkan kepada ibunya _____ dia sekeluarga akan tiba di kampung pada malam ini.

- A yang
B setelah
C bahawa
D lantaran

8 Abang asyik _____ di ruang tamu sambil bercakap menggunakan telefon pintar.

- A lalu-lalang
B kumat-kamit
C pindah-randah
D mundar-mandir

9 Jarak di antara Kampung Tengah _____ Kampung Hilir mengambil masa hampir sejam perjalanan.

- A dan
B pada
- C dengan
D daripada

10 Ibu Leela memaklumkan kepadanya bahawa sudah _____ abang sulungnya membawa diri di negara orang.

- A sehari-hari
B berjam-jam
C bertahun-tahun
D berminggu-minggu

11 Adik mempamerkan mimik muka kecewa apabila ditegah oleh ayah bermain di taman tersebut.

Pilih perkataan sinonim bagi mimik.

- A sifat
B gaya
C paras
D wajah

12. Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat yang diberikan.

Kuliah subuh bersempena dengan awal Ramadan itu disampaikan oleh imam jempunan.

- A Apakah yang disampaikan oleh imam jempunan itu?
- B Bilakah imam jempunan itu akan menyampaikan kuliahnya?
- C Mengapakah imam jempunan itu menyampaikan kuliah subuh?
- D Siapakah yang menyampaikan kuliah subuh bersempena dengan awal Ramadan?

Soalan 13

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang dibenkan.

13 Jadual peperiksaan yang diedarkan kepada semua kelas itu tidak mencukupi.

- A** Ada kelas yang belum mendapat jadual peperiksaan yang diedarkan itu.
- B** Jumlah jadual peperiksaan yang diedarkan kepada semua kelas itu masih kurang.
- C** Semua kelas belum mendapat jadual peperiksaan kerana jadual tersebut terhad.
- D** Jadual peperiksaan telah diedarkan kepada semua kelas tetapi tidak semua kelas yang mendapatnya.

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

14. Hati Kakak Aisya remuk kerana pertunangannya terpaksa diputuskan.

II Kedua-dua buah kereta yang berlanggar tadi remuk pada bahagian hadapan.

III Kemeja Aizat yang telah bergosok menjadi remuk kerana terjatuh dari penyangkut baju.

IV Muka pencuri itu remuk dipukul oleh penduduk kampung yang berjaya menangkapnya.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15 I Air yang kamu rebus itu belum mendidih?

II Kuih tepung pelita itu saya rebus pada awal pagi tadi.

III Dia makan cucur rebus bersama-sama kelapa parut.

IV Kami sekeluarga mengemari kerang rebus yang dijual oleh penjaja itu.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

16 I Petang semalam, kami duduk di pangkin
itu sambil berbual-bual.

1919 II Lawatan sekolah ke Zoo Negara ditunda pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

III Dalam ramai-ramai tetamu yang hadir ke majlis itu, tiada apa pun yang dikenalnya.

IV Hasil perbincangan, mereka sekeluarga telah memutuskan siapa yang paling berhak ke atas anak yatim tersebut.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 17 dan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Nira nipah merupakan minuman asli yang masih mendapat sambutan dalam kalangan kaum Melayu dan juga kaum-kaum lain. Di kampung-kampung, perusahaan nira nipah telah memberikan hasil atau pendapatan sampingan yang sangat menguntungkan. Hampir semua bahagian pokok nipah dapat dimanfaatkan oleh manusia.

Pokok nipah atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya sebagai *Nypa fruticans* hidup di kawasan berpayau, lembah, dan berlumpur. Pokok ini mempunyai batang sulur bawah tanah dan akar palma yang biasanya tersembunyi di dalam lumpur. Lapisan udara serta asas daun pokok nipah ini memberikan daya apungan tinggi kepada akarnya. Daun tua akan gugur apabila lapisan peluruhan sepanjang dua kaki berlaku di bahagian terbawah anak daun.

Pelepah nipah dapat dijadikan atap yang baik. Walaupun pelepah pokok ini ditebang tetapi anak-anak pokok nipah yang masih muda tidak rosak dan tetap terpelihara. Bahagian kutikel daun muda yang mempunyai kulit luar yang kukuh pula akan ditanggalkan, dipotong mengikut saiz, dibungkus, dan dijual di seluruh negara sebagai rokok daun.

Anak pohon nipah keluar di hujung sulur dan batangnya bercabang serta membentuk serumpun nipah. Bunga nipah pula, keluar di celah-celah pelepahnya dan bergugus di hujung tangkai lalu menghasilkan buah. Sesudah itu barulah buah dipangkas untuk mendapatkan air nira dan jambangan bunga nipah menghasilkan gula yang banyak kira-kira satu pain sehari. Dalam tempoh tiga bulan, hasilnya lebih kurang 11 gelen. Buah nipah berbentuk seperti baji. Struktur buahnya sama seperti buah kelapa. Buah ini mempunyai sabut, tempurung, isi, dan air. Isi buah yang muda boleh dimakan. Biji benihnya yang matang pula sangat keras.

(Dipetik dan diubah suai daripada: www.memori-kedah)

17 Di manakah pokok nipah boleh ditemui?

- A Di pinggir laut
- B Di dalam lumpur
- C Di kawasan lembah
- D Di kawasan berpayau, lembah, dan berlumpur

18 Apakah bahagian yang harus dipangkas untuk mendapatkan air nira?

- A Tandan
- B Akar palma
- C Buah nipah
- D Anak pokok

19 Bagaimanakah anak pokok nipah tumbuh?

- A Melalui akarnya
- B Melalui daunnya
- C Melalui bunganya
- D Melalui hujung sulur

20 Pilih pernyataan yang betul tentang petikan tersebut.

- A Pokok nipah dapat dijadikan atap pondok.
- B Pokok nipah hanya menghasilkan nira sahaja.
- C Hampir semua bahagian pokok nipah berguna kepada manusia.
- D Buah nipah dan buah kelapa mempunyai bentuk yang sama.

Soalan 21

(a) Tulis jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

 Murni: Bagaimanakah pemilihan pengawas sekolah dijalankan?

Haziq: _____

[2 markah]

(b) Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kecantikan anak gadis Pak Mail tiada tolak bandingnya sehingga menjadi bualan para pemuda di Kampung Sentosa.

[2 markah]

(c) Betulkan kesalahan bahasa dalam ayat di bawah.

Rekabentuk bangunan pencakar langit itu dihasilkan oleh anak tambatan.

[2 markah]

21(a)

2

21(b)

2

21(c)

2

Jumlah
21

6

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

lepaskan	mengelilingi	berlapang
keadaan	sementelahan	kemesraan
pelawaan	menangkap	menerima

Sudah seminggu aku berada di desa ini. (a) _____ rakan karibku, Ehsan agar aku menghabiskan cuti sekolah di kampungnya tidak aku (b) _____. Aku ingin merasai kehidupan di kampung (c) _____ aku dibesarkan di kota. Ibu dan ayah Ehsan (d) _____ dada menyambut kedatanganku ke rumah mereka. (e) _____ keluarga Ehsan membuatkan aku mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran kampung yang tenang dan damai.

[5 markah]

Jumlah
22

5

Soalan 23

Baca resipi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

BERTIH JAGUNG BERKARAMEL

Bahan-bahan:

Bertih jagung

- Setengah cawan besar jagung kering
- Dua sudu besar mentega

Karamel

- Dua sudu besar mentega
- Dua sudu besar gula

Cara-cara:

- 1 Panaskan mentega di dalam kuali.
- 2 Apabila mentega telah cair, masukkan jagung kering.
- 3 Tutup kuali dan kecilkan api agar jagung tidak hangus. Biji jagung akan meletup-letup apabila telah masak.
- 4 Setelah itu, masukkan bertih jagung tersebut ke dalam bekas yang kering dan kedap udara.
- 5 Dalam bekas yang lain, cairkan mentega dan gula dengan menggunakan api yang kecil.
- 6 Apabila kedua-dua bahan telah bertukar warna dan kelihatan likat, masukkan bertih jagung.
- 7 Gaul karamel dan bertih jagung hingga sekata.
- 8 Bertih jagung sedia untuk dinikmati.

- (a) Sekiranya jagung kering dimasak dengan menggunakan api yang besar, jagung tersebut akan _____

[1 markah]

- (b) Kuali perlu ditutup setelah jagung kering dimasukkan kerana _____

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, mengapakah kita digalakkan memasak sendiri makanan?

RAMAI

[3 markah]

23(a)

1

23(b)

2

23(c)

3

Jumlah
23

6

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amalan membaca banyak memberikan manfaat kepada setiap orang terutamanya murid-murid. Dengan membaca, kita dapat meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara. Contohnya, jika kita membaca buku tentang sejarah tokoh negara, kita akan dapat mengetahui sejarah negarawan dan seterusnya dapat menyemai semangat patriotik dalam jiwa.

Selain itu, kita juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa dengan membaca buku-buku ilmiah. Apabila kita rajin membaca, kita akan menemui banyak kosa kata dan istilah baharu. Malah, kita boleh merujuk kamus jika kita tidak mengetahui makna sesuatu perkataan itu. Secara tidak langsung, murid dapat membina karangan dengan lebih menarik.

Di samping itu, membaca buku juga dapat memberikan hiburan, pengajaran, dan iktibar apabila kita membaca kisah-kisah lucu atau teladan. Tambahan pula, banyak buku menarik di pasaran dan di perpustakaan yang boleh kita baca. Namun begitu, kita perlu bijak memilih buku-buku yang baik dan bermanfaat agar tidak membaca buku-buku picisan.

24(a)

2

(a) Apakah faedah membaca buku yang berkaitan dengan sejarah?

[2 markah]

(b) Nyatakan sama ada **betul** atau **salah** bagi pernyataan-pernyataan di bawah.

Kita perlu bijak memilih buku-buku yang ingin dibaca agar tidak membaca buku picisan.

--

Buku-buku ilmiah mengandungi banyak kesalahan bahasa dan istilah.

--

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, bagaimanakah cara-cara untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid?

[3 markah]

24(c)

3

Jumlah

24

7

Soalan 25

Baca natis di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Ⓢ Mohon perhatian ahli Kumpulan Alpha: Ⓢ

- Satu perjumpaan dengan mentor akan diadakan di Laman Seni pada pukul 2.00 petang esok.
- Pastikan semua maklumat yang dikehendaki oleh mentor sudah lengkap dan dibawa semasa perjumpaan esok.
- Siapkan tugasan yang telah diberikan oleh mentor untuk perbincangan esok.
- Jika ada sebarang masalah atau kekangan masa tentang perjumpaan mingguan ini, sila berjumpa dengan saya sebelum tamat sesi persekolahan pada hari ini.
- Saya percaya kamu semua dapat memberikan kerjasama yang terbaik demi mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

Daripada
Farhan
(Ketua Kumpulan Alpha)

(a) Ahli Kumpulan Alpha perlu berjumpa dengan mentor di _____

[1 markah]

(b) Mentor mahu setiap ahli Kumpulan Alpha membawa _____

[1 markah]

(c) Syafira tidak dapat menghadiri perjumpaan esok kerana dia perlu mengikut keluarganya pulang ke kampung untuk melawat neneknya yang sakit. Oleh itu, Syafira perlu _____

[1 markah]

(d) Sekiranya kamu ahli Kumpulan Alpha, adakah kamu akan menghadiri perjumpaan esok? Mengapa?

[3 markah]

25(a)

1

25(b)

1

25(c)

1

25(d)

3

Jumlah

25

6
